



**PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

LOT G2, TINGKAT BAWAH, WISMA CHASE PERDANA, OFF JALAN SEMANTAN,  
DAMANSARA HEIGHTS, 50490 KUALA LUMPUR.

Tel: 03-2098 3731 (Hotline: 03-2080 4455) Faks: 03-2094 2769 Web: www.ptptn.gov.my

Rujukan : PTPTN/KP/01/14 Jld 12

Tarikh : 15 Oktober 2012

**Semua Ketua Jabatan/Agensi Kerajaan,**

Y. Bhg. Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN-JAWATAN BERTARAF TETAP/ KONTRAK  
DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan dan berumur kurang daripada 45 tahun pada 31 Disember 2012 untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan bertaraf tetap/kontrak seperti berikut :

BIL	JAWATAN & GELARAN	GRED	STATUS JAWATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM		
				PERINGKAT	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
(i)	Akauntan	W41	Tetap / Kontrak	P1	1,924.18	5,523.51
				P2	2,032.67	5,839.53
				P3	2,145.88	6,163.59
(ii)	Penolong Akauntan	W27	Tetap / Kontrak	P1	1,366.27	3,570.75
				P2	1,444.90	3,781.10
				P3	1,526.94	3,998.07
(iii)	Pembantu Akauntan	W17	Tetap / Kontrak	P1	928.74	2,527.73
				P2	986.85	2,664.63
				P3	1,046.67	2,806.39

3. JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN SYARAT LANTIKAN :

- (i) JAWATAN : AKAUNTAN  
GRED : W41  
KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEWANGAN  
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
TARAF JAWATAN : TETAP / KONTRAK

JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM	PERINGKAT	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
	P1	2,145.88	5,553.48
	P2	2,254.37	5,861.53
	P3	2,367.59	6,196.56

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1 (RM2,650.63); **ATAU**
- (ii) Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
Gaji permulaan ialah pada Gred W41: P1 (RM2,650.63); **ATAU**
- (iii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan serta menjadi Ahli Penuh Badan- badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1 (RM2,754.41); **ATAU**
- (iv) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia  
Gaji permulaan ialah pada Gred W41 : P1 (RM2,858.19); **DAN**

- (v) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (ii) **JAWATAN** : **PENOLONG AKAUNTAN**  
**GRED** : **W27**  
**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KEWANGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **SOKONGAN**  
**TARAF JAWATAN** : **TETAP/ KONTRAK**

<b>JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM</b>	<b>PERINGKAT</b>	<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>GAJI MAKSIMUM (RM)</b>
	P1	1,366.27	3,570.75
	P2	1,444.90	3,781.10
	P3	1,526.94	3,998.07

**SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1 (RM1,667.08); **ATAU**

- (ii) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1 (RM1,892.68); **DAN**

- (iii) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.



(iii) **JAWATAN** : **PEMBANTU AKAUNTAN**  
**GRED** : **W17**  
**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN KEWANGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **SOKONGAN**  
**TARAF JAWATAN** : **TETAP / KONTRAK**

<b>JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM</b>	<b>PERINGKAT</b>	<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>GAJI MAKSIMUM (RM)</b>
	P1	928.74	2,527.73
	P2	986.85	2,664.63
	P3	1,046.67	2,806.39

**SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut;  
 Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1 (RM928.74); **ATAU**
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
 Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1 (RM985.13); **ATAU**
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
 Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1 (RM1,154.33); **ATAU**
- (iv) sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau penyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
 Gaji permulaan ialah pada Gred W17 : P1 (RM1,379.92);

## DAN

- (d) kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### 4. IMBUHAN / ELAUN :

Selain daripada gaji bulanan, Imbuhan Tetap Khidmat Awam / Imbuhan Tetap Keraian dan Imbuhan Tetap Perumahan akan dibayar kepada calon yang layak.

Jenis Elaun / Gred	Gred 41	Gred 27	Gred 17
Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM300.00	RM160.00	RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	RM250.00	RM180.00	RM180.00
Bantuan Sara Hidup	RM300.00	RM300.00	RM300.00

#### 5. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan-jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

#### 6. CARA MEMOHON

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman web PTPTN, [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) sebelum atau pada 30 Oktober 2012.
- ii. Calon hanya dibenarkan untuk memohon 1 (satu) jawatan sahaja.
- iii. Keputusan calon yang berjaya dalam peringkat saringan akan dimaklumkan melalui laman web PTPTN/telefon/emel bagi makluman tarikh menghadiri temuduga serta penyediaan dokumen-dokumen sokongan yang perlu.

#### 7. PERMOHONAN YANG DITOLAK

Permohonan yang berikut akan ditolak :

- i. Tidak memenuhi syarat lantikan yang ditetapkan.

- ii. Maklumat dalam borang permohonan atas talian (online) tidak lengkap.

**8. CATATAN AM**

- i. Calon yang memenuhi syarat kelayakan dan melepasi tapisan pemilihan sahaja akan dipertimbangkan untuk sesi temuduga.
- ii. Calon yang tidak menerima sebarang jawapan 6 bulan selepas dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan dan urusan temuduga adalah di atas tanggungjawab sendiri.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,



**(ABDUL GHAFFAR BIN YUSOP)**

Jabatan Khidmat Pengurusan

b.p Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

## SENARAI EDARAN

1. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Aras 15, No. 2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
**62200 W.P. PUTRAJAYA**  
(En. Zainal Abidin Bin Abu Hassan)
2. Pengerusi Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 14, Blok B, Menara PKNS – PJ  
Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya  
**SELANGOR**
3. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan  
Aras 7-11, Blok C1, Parcel C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62510 PUTRAJAYA**